

Headline	Diabetes atau HIV?		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	739 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Hazren Masitom	AdValue	RM 25,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,128



# Diabetes atau HIV?

» Penghidap HIV mampu jalani kehidupan normal, pesakit kencing manis jangka hayat kurang 10 tahun

Oleh Nurul Hazren Masitom  
nurulh@bh.com.my

Seorang doktor di United Kingdom (UK) lebih rela dirinya dijangkiti Human Immunodeficiency Virus (HIV) berbanding menghidap diabetes jenis 2. Mengapa? Ini kerana katanya, seseorang pesakit dapat hidup dengan virus terbabit, namun tidak diabetes.

“Diabetes jenis 2 mengurangkan jangka hayat seseorang kepada 10 tahun,” kata Dr Max Pemberton, yang menulis dalam akhbar *The Spectator* di United Kingdom (UK).

Dr Pemberton berkata: “Sebagai seorang doktor, saya boleh beritahu anda, dari segi percakapan perubatan, saya lebih rela mendapat HIV daripada diabetes.

“Ketika kenyataan ini mungkin kedengaran mengejutkan atau memeranjatkan, fakta membuktikannya; prognosis (satu pendapat berdasarkan pengalaman perubatan terhadap satu keadaan

penyakit) bagi mereka yang menghidap diabetes jenis 2 adalah lebih teruk berbanding mereka yang menghidap HIV,” katanya.

Jelasnya, ketika ini amat jarang seseorang menemui ajal disebabkan HIV di UK, malah ramai pesakit HIV menjalani kehidupan dan memiliki jangka hayat sama seperti mereka yang tidak dijangkiti virus berkenaan, dengan syarat mereka mendapatkan rawatan dan penjagaan sebaiknya.

#### HIV boleh dirawat

HIV boleh dirawat dengan jayanya menggunakan terapi antiretroviral sangat aktif (Haart), yang menghalang perkembangan jangkitan disebabkan patogen yang membunuh pesakit HIV/AIDS tidak dirawat.

Berbeza keadaannya dengan penghidap diabetes jenis 2.

Beliau yang bertugas seba-

gai pakar psikiatri dalam Perkhidmatan Kesihatan Nasional (NHS) berkata, individu dengan diabetes jenis 2 mempunyai risiko lebih dua kali ganda untuk diserang strok berbanding mereka yang sihat.

Katanya, penghidap juga empat kali ganda berisiko mendapat sakit jantung dan 20 peratus hingga 30 peratus pesakit mengalami masalah buah pinggang yang menjurus kepada perlunya mendapat dialisis secara kerap.

Tambahnya lagi diabetes juga boleh menyebabkan penghidapnya buta, mendapat ulser kaki dan pemotongan anggota tubuh.

“Ramai orang percaya diabetes jenis 2 boleh dirawat dengan mudah menggunakan ubat, namun ini bukan isunya. Penyakit ini berkembang secara berperingkat atau dengan kata lain pesakit biasanya memerlukan suntikan insulin dan mereka mengalami kesan

lebih serius akibatnya,” katanya.

#### Kematian awal

Pengarah Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Dr Mafauzy Mohamed, mengakui diabetes jenis 2 mengurangkan jangka hayat pesakit di antara lima tahun hingga 10 tahun selain berisiko menghidap sakit jantung, diserang strok, kerosakan saraf, dipotong anggota tubuh, buta dan kegagalan buah pinggang.

“Pesakit juga perlu sedar mereka berisiko berdepan kematian awal berikutan risiko yang dikaitkan dengan penyakit kencing manis. Antara 75 peratus hingga 80 peratus penghidap berdepan risiko kematian awal tanpa disedari,” katanya pada pelancaran *Forxiga* (*Dapagliflozin*), baru-baru ini.

Forxiga adalah ubat baharu yang digunakan untuk merawat diabetes jenis 2 dan

Headline	Diabetes atau HIV?		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	739 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Hazren Masitom	AdValue	RM 25,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,128

dibangunkan Bristol-Myers Squibb dengan kerjasama AstraZeneca.

Di Amerika Selatan dan Tengah, jumlah pesakit diabetes jenis 2 ini adalah 24 juta orang, di rantau Asia Pasifik, China misalnya menyumbang satu peratus pesakit atau 138 juta orang manakala di Asia Tenggara, 72 juta orang.

“Di seluruh dunia, ada 382 juta penghidap diabetes dan ia adalah ancaman yang semakin meningkat,” katanya.

Menjelang tahun 2035,

katanya, dianggarkan 592 juta penduduk menghidap diabetes jenis 2 dengan usia penghidap antara 40 tahun hingga 59 tahun.

#### **Penghidap muda**

Situasi di Malaysia, katanya, semakin ramai golongan muda berusia 30 tahun ke atas menghidap diabetes jenis 2 tanpa disedari.

“Kekerapan insiden kematian di Malaysia adalah 20.8 peratus berdasarkan data tahun 2011, iaitu antara tertinggi di dunia dan ini amat membimbangkan,” katanya sambil menambah 25 per-

tus atau seorang bagi setiap empat golongan dewasa berpotensi mendapat diabetes pada bila-bila masa.

Katanya, ukuran indeks jisim tubuh (BMI) adalah petunjuk mudah untuk menentukan sama ada seseorang itu menghidap diabetes jenis 2. Lebih tinggi BMI, lebih tinggi risiko menghidap penyakit ini.

“Lebih tepat mengukur individu yang menghidap diabetes dengan obesiti. Cara mudah adalah dengan mengukur ukur lilit pinggang - bagi lelaki tidak

melebihi 89 sentimeter (35 inci) manakala wanita tidak melebihi 76 sentimeter (30 inci),” katanya.

Tambahnya, ketika ini, jumlah pesakit diabetes meningkat di negara membangun berbanding negara maju disebabkan faktor gaya hidup.

“Semakin ramai dikategorikan sebagai obes disebabkan gaya hidup mewah dan makan secara berlebihan, sekali gus menjadikan mereka golongan yang berisiko tinggi menghidap diabetes jenis 2,” katanya.



“  
PESAKIT JUGA  
PERLU SEDAR  
MEREKA BERISIKO  
BERDEPAN  
KEMATIAN AWAL  
BERIKUTAN  
RISIKO YANG  
DIKAITKAN  
DENGAN  
PENYAKIT  
KENCING MANIS”

**Dr Mafauzy Mohamed,**  
Pegawai Kesihatan  
Kampus USM

Headline	Diabetes atau HIV?		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	739 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Hazren Masitom	AdValue	RM 25,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,128

**INFO**

**Bilangan pesakit diabetes jenis 2**

- ⦿ Amerika Selatan dan Tengah: 24 juta
- ⦿ China: 138 juta
- ⦿ Asia Tenggara: 72 juta
- ⦿ Seluruh dunia: 382 juta

**Sentiasa haus**

**Bibir kering**

**ADAKAH ANDA MENGHIDAPI DIABETES JENIS 2?**

**Kenal pasti lima simptom**

**Sakit kepala dan keletihan**

**Berat badan turun melampau**

**Kerap buang air kecil**

Headline	Diabetes atau HIV?		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	10	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	739 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nurul Hazren Masitom	AdValue	RM 25,376
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,128

